

**HUBUNGAN KEMAHIRAN BERFIKIR KREATIF
DENGAN PELAJAR ALIRAN MATA PELAJARAN
VOKASIONAL (MPV) DI SEKOLAH DALAM NEGERI
SABAH**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



ROSMAYATI ABU

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2009

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

.....
ROSMAYATI ABU

PT 20078092


1 Jun 2009



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

PENYELIA :



DR SABARIAH SHARIF
(SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, rasa kesyukuran ini saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, disertasi ini dapat disiapkan bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada penyelia saya iaitu Dr. Sabariah Sharif yang sudi meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang terbaik sepanjang disertasi ini disiapkan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diberikan kepada Dekan, Timbalan Dekan, semua pensyarah dan kakitangan Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya mengikuti kursus ini. Penghargaan ini juga saya tujukan kepada Dekan dan kakitangan Pusat Pengajian Pascasiswazah dan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah atas segala bentuk kerjasama yang telah diberikan.

Ucapan penghargaan seterusnya ditujukan terutamanya kepada Pengetua SMK Beaufort, En. Asliari Hj Tamit, Pn Hadizah Bahrin, En. Roslee Talip, Pn Laila Hijrah dan guru-guru SMK Beaufort kerana sentiasa memberikan dorongan dan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Begitu juga kepada Pn Norimah Sadih, Pn Hasanah Hj Kepli, Nurmazhani, rakan-rakan sekelas yang lain serta rakan-rakan guru Katering dan Penyajian seluruh Sekolah Menengah Negeri Sabah dan lain-lain kerana sering memberikan bantuan dan kerjasama disamping memberikan pandangan dan idea dalam menyiapkan kajian ini.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan istimewa kepada suami tercinta, En Mohammad Noor Abu Bakar yang tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat, tunjuk ajar dan pandangan yang membina sepanjang proses penulisan disertasi ini. Begitu juga anak-anak tersayang iaitu Marissa Ridwani dan Myarissa Rifqah dan kedua orang ibu bapa iaitu En Abu Alwee dan Pn Rowiah Geman serta nenek tersayang Pn Sutinah Emran serta ibu mertua Pn. Suratmi, tidak dilupakan juga kepada adik-adik saya atas pengertian dan sokongan moral yang tidak berbelah bagi sepanjang saya mengikuti kursus peringkat sarjana ini.

Akhir sekali jutaan terima kasih dan penghargaan juga diucapkan kepada pihak Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Pusat Sumber Pelajaran Negeri Sabah, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Pejabat Pelajaran Gabungan Beaufort, semua sekolah menengah dalam negeri Sabah dan responden-responden yang memberikan kerjasama semasa kajian dilaksanakan.

Sesungguhnya perkara yang baik itu datangnya dari Allah dan segala kelemahan adalah daripada diri saya sendiri selaku hambaNya.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau Hubungan Kemahiran Berfikir Kreatif Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Aliran Mata Pelajaran Vokasional (MPV) di Sekolah Dalam Negeri Sabah. Kajian ini melihat kepada ciri demografi, personaliti kreatif, tahap kemahiran berfikir kreatif, hubungan tahap kemahiran berfikir kreatif dengan pencapaian akademik, perbezaan tahap kemahiran berfikir mengikut pencapaian akademik, perbezaan kekerapan menjana idea dan sikap menghubungkait mengikut pencapaian akademik. Seramai 135 orang responden daripada lapan buah sekolah menengah di di Sabah yang menawarkan MPV khusus dalam Katering Penyajian terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian menggunakan soal selidik yang diukur melalui skala Likert 4 poin. Kaedah statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan statistik inferensi ujian korelasi Spearman's rho dan ANOVA digunakan untuk penganalisaan data. Hasil analisis deskriptif ciri-ciri demografi pelajar didapati ciri Jantina ($M=1.8704$), Taraf ($M=1.0667$), Pendapatan ($M=1.5778$), pencapaian akademik ($M=2.3407$) dan personaliti ($M=2.0074$) pada tahap sederhana dengan min keseluruhan 1.80. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan antara pencapaian akademik dengan tahap kemahiran berfikir kreatif menerusi ujian Korelasi Spearman's rho dengan nilai $r=-.119$. Begitu juga menerusi ujian ANOVA mendapati tiada perbezaan antara kemahiran berfikir kreatif mengikut pencapaian akademik. Manakala ujian ANOVA bagi melihat perbezaan kemahiran menjana idea dan kemahiran menghubungkait masing-masing dengan pencapaian akademik juga tiada perbezaan yang signifikan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KAMPUS KUDAT

ABSTRACT

The purpose of this study is to discover the Relationship Between The Academic Achievement and Creativity Among The Vocational's Student (MPV) in Secondary Schools of Sabah. 135 respondents from eight secondary schools which offered the Vocational Subjects specialize in Katering Penyajian involved in this study. The research instrument used is a set of questionnaire from which is measured by 4-point Likert Scale and through Torrance Test Creative Thinking (TTCT). Descriptive statistics such as frequencies, percentages, mean and standard deviation were employed in analyzing the data. Inferential statistics such as Pearson 'r' correlation and ANOVA was also taken into account. The finding of this study for the demography aspects indicated that the mean for sex is 1.8074, residence is 1.0667, income is 1.5778, academic achievement is 2.3407 and personality is 2.0074. The Spearman's rho correlation showed that there is no significant relationship between the level of creative thinking and academic achievement The ANOVA test showed that there are no significant difference in the level of creative thinking based on academic achievement, and also no significance difference in the generating ideas frequencies and relativity behaviour based on academic achievement.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

	Halaman
Tajuk	i
Pengakuan	ii
Pengesahan	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
Senarai Kandungan	vii
Senarai Rajah	
Senarai Jadual	
Senarai Singkatan	
Senarai Simbol	
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	11
1.5 Tujuan Kajian	11
1.6 Objektif Kajian	12
1.7 Hipotesis Kajian	12
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Batasan Kajian	14
1.10 Definisi Operasional	15
1.11 Kesimpulan	16

BAB 2 SOROTAN LITERATUR	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Definisi Konseptual	17
2.2.1 Pelajar Aliran MPV	23
2.2.2 Mata Pelajaran Vokasional (MPV)	27
2.2.3 Kemahiran Berfikir Kreatif	44
2.3 Teori dan Model Kreativiti	44
2.3.1 The Wallas Model for The Process of Creativity	45
2.3.2 Csiszentmihlyi's Systems View of Creativity	46
2.3.3 Model Pembelajaran Kreatif	48
2.3.4 Model Kemahiran Berfikir Robert Swartz & Sandra Parks	49
2.3.5 Model KBSB	50
2.4 Kajian Lepas	52
2.4.1 Kajian Dari Dalam Negara	55
2.4.2 Kajian Dari Luar Negara	58
2.5 Kerangka Konseptual	59
2.6 Kesimpulan	60
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	60
3.1 Pengenalan	60
3.2 Reka Bentuk Kajian	60
3.3 Populasi dan Pensampelan	60
3.4 Instrumen Kajian	61
3.5 Kajian Rintis	73
3.6 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	74
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	75
3.8 Tempat Kajian	77
3.9 Analisis Data	77
3.10 Kesimpulan	78

BAB 4 DAPATAN KAJIAN	79
4.1 Pengenalan	79
4.2 Dapatan Kajian	79
4.3 Analisis Maklumat Demografi	80
4.4 Analisis Inferens dan Pengujian Hipotesis	88
4.5 Rumusan Dapatan Kajian	91

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	92
5.1 Pengenalan	92
5.2 Rumusan Kajian	92
5.3 Implikasi Dapatan Kajian Dan Perbincangan	94
5.4 Cadangan Kepada Pihak Berkepentingan	98
5.6 Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	100
5.7 Penutup	101

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

- Lampiran A : Borang Soal Selidik
- Lampiran B : Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik Bagi Kajian Rintis
- Lampiran C : Keputusan Analisis Deskriptif
- Lampiran D : Keputusan Analisis Inferens
- Lampiran E : Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia
- Lampiran F : Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Dalam Negeri Sabah Oleh Jabatan Pelajaran Sabah

SENARAI RAJAH

Rajah	Perkara	Halaman
Rajah 2.1 :	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Mengikut Pencapaian Pendidikan, Malaysia Q2/2008 dan Q3/2008	25
Rajah 2.2 :	Jenis-jenis Pengalaman Pembelajaran Yang Disusun Mengikut Darjah Penglibatan Murid	26
Rajah 2.3 :	Struktur Otak Manusia A	33
Rajah 2.4 :	Struktur Otak Manusia B	35
Rajah 2.5 :	Struktur Intelek Guilford	36
Rajah 2.6 :	Tiga Konsep Penting Dalam Pemikiran Kreatif	40
Rajah 2.7 :	Faktor Perkembangan Kemahiran Berfikir Kreatif Dalam Kalangan Pelajar	43
Rajah 2.8 :	Sistem Kreativiti Csiszentmihalyi	46
Rajah 2.9 :	Model Pembelajaran Kreatif	47
Rajah 2.10:	Model Kemahiran Berfikir Robert Swartz & Sandra Parks	49
Rajah 2.11:	Model KBSB	51
Rajah 2.12:	Kerangka Konseptual Kajian	58
Rajah 3.1 :	Penghasilan Ujian Kemahiran Berfikir Kreatif	64

SENARAI JADUAL

Jadual	Perkara	Muka Surat
Jadual 2.1 :	Sumbangan Jumlah Pekerja Mengikut Kumpulan 2005 dan 2006	24
Jadual 3.1 :	Populasi Kajian	61
Jadual 3.2 :	Skala Bagi Item Jantina Pelajar	67
Jadual 3.3 :	Skala Bagi Item Taraf Pelajar	67
Jadual 3.4 :	Skala Bagi Item Pendapatan Ibu Bapa	67
Jadual 3.5 :	Skala Bagi Item Pencapaian Akademik	68
Jadual 3.6 :	Skala Bagi Tahap Pencapaian Akademi Pelajar	68
Jadual 3.7 :	Senarai Semak Sifat Gough; Skala Personaliti Kreatif	69
Jadual 3.8 :	Senarai Semak Sifat Gough; Skala Personaliti Kreatif (Skor)	70
Jadual 3.9 :	Skor Personaliti Kreatif	71
Jadual 3.10:	Skala Likert Soal Selidik Pelajar	72
Jadual 3.11:	Item-item Mengikut Aspek Menerusi Kekekapan Menjana Idea	72
Jadual 3.12:	Skala Likert Soal Selidik Pelajar	73
Jadual 3.13 :	Item-item Mengikut Aspek Menerusi Sikap Menghubungkan	73
Jadual 3.14 :	Prosedur Pengumpulan dan Pentadbiran Data (Rangka Kerja Pengkaji)	76
Jadual 3.15 :	Analisis Hipotesis Kajian Sumbangan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Terhadap Perkembangan Kemahiran Berfikir Kreatif Pelajar Berpencapaian Rendah di Sekolah Dalam Negeri Sabah	78
Jadual 4.1 :	Taburan Pelajar Mengikut Jantina	80

Jadual 4.2 :	Taburan Pelajar Mengikut Pendapatan Ibu/bapa/Penjaga	80
Jadual 4.3 :	Taburan Pelajar Mengikut Personaliti Kreatif	81
Jadual 4.4 :	Taburan Pelajar Mengikut Tahap Berfikir Secara Kreatif	81
Jadual 4.5 :	Taburan Pelajar Mengikut Aspek Kelancaran Dalam Tahap Kemahiran Berfikir Kreatif	82
Jadual 4.6 :	Taburan Pelajar Mengikut Aspek Keaslian Dalam Tahap Kemahiran Berfikir Kreatif	83
Jadual 4.7 :	Taburan Pelajar Mengikut Aspek Penghuraian Dalam Tahap Kemahiran Berfikir Kreatif	83
Jadual 4.8 :	Taburan Pelajar Mengikut Pencapaian Akademik	84
Jadual 4.9 :	Analisis Deskriptif Ciri-ciri Demografi, Personaliti Kreatif dan Tahap Kemahiran Berfikir Kreatif	84
Jadual 4.10:	Analisis Persepsi Pelajar Mengenai Aspek Kekerapan Menjana Idea Dalam MPV	85
Jadual 4.11:	Analisis Persepsi Pelajar Mengenai Aspek Sikap Menghubunkait Dalam MPV	86
Jadual 4.12:	Aspek Kekerapan Menjana Idea dalam Mata Pelajaran Vokasional	86
Jadual 4.13 :	Sikap Menghubunkait Dalam Mata Pelajaran Vokasional	87
Jadual 4.14 :	Perbezaan Kekerapan Menjana Ide dalam MPV Mengikut Pencapaian Akademik	88
Jadual 4.15 :	Perbezaan Sikap Menghubunkait dalam MPV Mengikut Pencapaian Akademik	90
Jadual 4.16 :	Hubungan Antara Kemahiran Berfikir Kreatif Dengan Pemcaipan Akademik	90
Jadual 4.17:	Analisis Dapatan Hipotesis Kajian	91

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPPDP (EPRD)	Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (Education Planning and Research Division)
dk	Darjah kebebasan
I.Q	Intelligent Quotient
ICT	Information Communication Technology
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBKK	Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
MPV	Mata Pelajaran Vokasional
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPG	Pejabat Pelajaran Gabungan
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PSPN	Pusat Sumber Pelajaran Negeri
Sig.	Signifikan
Sig.	Signifikan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Sisihan Piawai
SPSS	Statistical Package for the Social Science
TTCT	Torrance Test Creative Thinking

SENARAI SIMBOL

α	Simbol Alpha
dk	Darjah Kebebasan
F	Nilai bagi Ujian ANOVA Sehala
H_0	Hipotesis Nol
K	Aras Keertian
p	Perkaitan
r	Korelasi (Pearson)
N	Kekerapan
σ	Sisihan Piawai
$\bar{x}$	Min



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Ledakan maklumat yang berlaku di pinggir abad ke 21 kini telah hampir menghapuskan budaya menghafal dan mengingat dalam sistem pendidikan dan sekaligus merangsang ke arah *'self exploration-the shifting era from 'what' to 'how' is now occurring'* di mana individu tidak lagi sesuai bertanya 'apa ini' tetapi harus bertanya 'bagaimana ini boleh berlaku'. Atas realiti inilah bidang pendidikan mula menukar corak penyampaian ilmu untuk mengubah masyarakat supaya menjadi manusia yang berfikir kreatif dan kritis. Dalam menangani fenomena di atas, sistem pendidikan di Malaysia telah mula memperkenalkan pengajaran bestari dan sekaligus memperkenalkan 'Sekolah Bestari'. Perubahan di atas adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyediakan keluaran (output) yang benar-benar produktif dalam mengimbangi kestabilan politik, ekonomi dan sosial pada masa depan.

Bidang pendidikan pula menjadi semakin mencabar dalam memenuhi tuntutan-tuntutan kemajuan dan pembangunan era globalisasi seiring dengan desakan infotekno terkini. Generasi muda semakin menjadi input penting negara sebagai penginovasi memantapkan inventori sumber manusia. Lantas, keperluan yang mendesak ini, mencetus kepada pengwujudan pelbagai genre pendidikan bagi menyamaratakan peluang meniti ilmu untuk setiap lapisan generasi. Justeru, kemahiran berfikir kreatif telah dijadikan agenda paling penting dalam mana-mana orientasi pendidikan di dunia. Institusi pendidikan merupakan tempat yang paling penting dan paling sesuai bagi

menyuburkan bakat dan kemahiran berfikir kreatif pelajar. Perkara ini diakui sendiri oleh pakar-pakar sains pemikiran kreatif seperti Amabile (1992), Swartz (1989), Buzan (2002), de Bono (1971), Leong (1998) dan ramai yang lain.

1.2 Latar Belakang Kajian

Amabile (1992) menyifatkan institusi sekolah merupakan tempat yang paling penting untuk memupuk alam kreativiti dalam kalangan kanak-kanak. Manakala menurut Edward de Bono (1970) pula tanpa *prime mover* (dibaca sebagai pendidik) yang menggerakkan persekitaran yang kondusif untuk berkreaitiviti maka sukar untuk pelajar berkreaitiviti dengan selesa dan selamat.

Pelajar yang lemah mempunyai potensi untuk berjaya dalam pelajaran sekiranya pendidikan yang dialami atau dijalani lebih bermakna untuk mereka. Pelajar sering gagal kerana tidak dapat mencari makna daripada apa yang dipelajari disebabkan strategi pengajaran guru yang tidak menarik dan kurang memberangsangkan. Mengikut Wehlage & Rutter (1988, dalam Zaidatol & Fooi, 2005), hasil temu bual dengan pelajar aliran lemah mendapati strategi yang sering digunakan oleh para guru ialah memberi nota yang panjang tanpa penerangan, hanya mengajar pengetahuan asas, mengajar terlalu laju atau terlalu perlahan, hanya menggunakan buku teks dan mengajar dengan menggunakan kaedah *chalk and talk*. Melatih tubi pelajar dalam kemahiran asas dan menggalakkan mereka menghafal ialah strategi utama guru. Kesannya pelajar tidak faham bagaimana hendak 'memahami' apa yang dipelajari, iaitu berfikir dan membuat kaitan antara fakta yang dipelajari untuk membantu kefahaman mereka (Zaidatol & Fooi, 2005).

Menurut Laporan Haddow (1931), kurikulum itu hendaklah dilihat dalam erti kata aktiviti dan pengalaman, bukannya ilmu bagi dicari dan fakta bagi diingat. Penawaran Mata Pelajaran Vokasional (MPV) pada peringkat menengah boleh membantu pelajar menghadapi dunia pekerjaan dan program MPV telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan bermula pada tahun 2002. Program MPV menawarkan 22 mata pelajaran elektif bercorak vokasional dalam tingkatan empat dan lima dan ditawarkan di sekolah menengah akademik secara berperingkat-peringkat. Matlamat program MPV diperkenalkan adalah bagi melahirkan pelajar berkemahiran dalam bidang usaha yang relevan dan bermakna untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan, memulakan perniagaan atau meneruskan latihan pada peringkat yang lebih tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Salah satu objektif program juga ialah sebagai persediaan awal bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dan separa mahir dalam perindustrian negara.

Menerusi kajian sejarah pendidikan vokasional, pendidikan vokasional telah hampir 40 tahun dilaksanakan dalam pendidikan kebangsaan kita. Tetapi akhir-akhir ini pendidikan vokasional telah mengalami perubahan yang ketara sekali dan pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional atau MPV adalah satu lagi titik tolak kepada perubahan ini. MPV merupakan salah satu cara mendedahkan mereka lebih pada bidang kemahiran yang mungkin menjadi kelebihan kepada mereka berbanding mata pelajaran akademik yang lain. Di sekolah-sekolah menengah harian, MPV ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif bagi pelajar yang berminat dan mendapat sekurang-kurangnya gred D dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Secara umumnya, mata pelajaran vokasional ini ditawarkan kepada pelajar yang

mendapat keputusan paling minima dalam PMR dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup sebagai syarat kelayakan.

1.3 Permasalahan Kajian

Hotler (1994) telah menyatakan bahawa pengajaran kaedah tradisional yang menekankan pengajaran secara kuliah berupaya menyampaikan maklumat dengan lebih banyak tetapi kaedah ini dikritik kerana ia menjadikan pelajar pasif. Ini kerana pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada terlalu menekankan kefahaman pelajar melalui penerangan dan dalam masa yang sama memaksa mereka menggunakan keupayaan mengingat yang mendorong mereka menghafal. Kaedah ini difikirkan agak tidak sesuai lagi untuk era yang sentiasa berubah-ubah ini kerana sebarang keputusan adalah rigid dan faktor tersebut mungkin menjadi salah satu punca yang membawa pengaruh kepada pencapaian akademik pelajar.

Pelajar-pelajar aliran MPV pula sering disalahtafsirkan oleh sesetengah pihak sebagai pelajar yang terdiri dalam kalangan yang rendah akademik lantaran kedudukan mereka dalam aliran tersebut berikutan pencapaian PMR yang rendah. MPV diperkenalkan untuk mengenalpasti kebolehan semulajadi mereka adalah dengan memperkenalkan MPV sebagai menyuntik semangat dan meningkatkan kemahiran berfikir dalam diri mereka. MPV juga telah memberi peluang kepada mereka yang rendah pencapaian akademik ini untuk membuktikan kebolehan diri mereka di gelanggang kemahiran. MPV adalah merupakan subjek yang menitikberatkan latihan amali yang melibatkan kemahiran fizikal. Walau bagaimanapun kemahiran berfikir terutamanya kemahiran berfikir secara kreatif adalah penting dalam membantu kecekapan individu melaksanakan sesebuah amali atau latihan yang diperuntukkan

kepada mereka. Bukan hanya setakat itu, malahan sekiranya mereka bercita-cita untuk bergelar usahawan berjaya satu hari nanti, kemahiran berfikir kreatif menjadi ciri utama bagi merealisasikan hasrat mereka selain mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.

Menurut Torrance (1962, dalam Abd. Rahim, 2000) berfikir secara kreatif ialah proses intelektual iaitu yang menggunakan otak kiri dan kanan terutama otak sebelah kanan kerana ia berkait dengan kemahiran membuat imaginasi atau mencipta idea baru. Ia juga berkait dengan proses pemikiran yang tajam, celik dan cerdik, peka kepada masalah, membentuk beberapa fikiran atau hipotesis, menguji kesahihan hipotesis dan menyampaikan hasilnya kepada orang lain. Suatu ketika dahulu terdapat kepercayaan bahawa kebolehan mencipta idea-idea kreatif adalah bakat istimewa yang dimiliki oleh segelintir manusia, di mana kebanyakan orang tidak kreatif dan tidak semua orang kreatif. Walaubagaimanapun kajian-kajian terbaru mendapati berfikir secara kreatif adalah sejenis kemahiran yang dapat dipelajari dengan menggunakan pelbagai teknik berfikir yang sudah dicipta oleh pakar-pakar kreativiti.

Sehingga hari ini juga, masih lagi ramai yang keliru antara kepintaran dan kemahiran berfikir kreatif. Ada yang berpendapat bahawa kanak-kanak yang mendapat markah tinggi dalam ujian IQ dianggap serupa dengan kanak-kanak yang kreatif (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2005). Namun, penyelidikan terbaru mendapati IQ dan kemahiran berfikir kreatif adalah dua perkara yang tiada kaitan. Dalam erti kata lain, kemahiran berfikir kreatif bukan fungsi kecerdasan otak. Kecerdasan dan kemahiran berfikir kreatif adalah dua konsep yang berbeza dan kedua-duanya dapat diuji dan dinilai dengan menggunakan alat-alat dan cara yang berbeza. Penyelidik-penyelidik terdahulu

mendapati pelajar lemah adalah mempunyai keyakinan diri yang rendah. Manakala pelajar berjaya mempunyai sifat yakin diri dan suka berdikari. Lima faktor lain yang mempengaruhi pencapaian pelajar lemah ialah yang berkaitan dengan kemahiran belajar, harapan keluarga yang terlalu tinggi, kekurangan kefasihan dalam Bahasa Inggeris, ketidakupayaan pelajar menghadapi tekanan pembelajaran dan kurang kemahiran berfikir yang kritikal dan kreatif. Selain itu, sesetengah pakar yang mengkaji peribadi individu yang kreatif pula mendapati ciri utama mereka yang kreatif adalah mereka memiliki autonomi intelektual yang tinggi dan ciri lain yang disebut ialah mereka lebih panjang akal, tidak mahu menerima jawapan 'tidak' dan akan terus berusaha (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2005). Maka, persoalannya adalah sejauhmanakah tahap pencapaian akademik pelajar aliran MPV ini sebenarnya dan mampukah mereka berfikir secara kreatif dengan tahap pencapaian akademik yang mereka miliki?

1.4 Soalan Kajian

Persoalan-persoalan yang wujud seperti yang dinyatakan dalam masalah kajian secara tidak langsung telah mewujudkan soalan-soalan:

- i. Apakah tahap pencapaian akademik pelajar aliran MPV?
- ii. Adakah terdapat ciri-ciri personaliti kreatif pada pelajar aliran MPV?
- iii. Apakah tahap kemahiran berfikir kreatif pelajar aliran MPV?
- iv. Adakah terdapat perbezaan kekerapan menjana idea dalam MPV mengikut pencapaian akademik?
- v. Adakah terdapat perbezaan sikap menghubungkait dalam MPV mengikut pencapaian akademik?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran berfikir kreatif dengan pencapaian akademik?

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmanakah tahap pendidikan pelajar aliran MPV dan sejauhmana perkembangan kemahiran berfikir kreatif pelajar aliran MPV. Hubungan kedua-duanya juga akan menjadi agenda utama untuk dikenalpasti dalam kajian ini.

1.6 Objektif Kajian

- i. Menenal pasti tahap pencapaian akademik pelajar aliran MPV
- ii. Menenal pasti ciri-ciri personaliti kreatif pelajar aliran MPV
- iii. Menenalpasti tahap kemahiran berfikir kreatif pelajar aliran MPV
- iv. Menenal pasti perbezaan kekerapan menjana idea dalam MPV mengikut pencapaian akademik
- v. Menenal pasti perbezaan sikap menghubungkait dalam MPV mengikut pencapaian akademik
- vi. Menenalpasti hubungan antara kemahiran berfikir kreatif dengan pencapaian akademik

1.7 Hipotesis Kajian

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekerapan menjana idea dalam MPV mengikut pencapaian akademik
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap menghubungkait dalam MPV mengikut pencapaian akademik
- Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran berfikir kreatif dengan pencapaian akademik

1.8 Kepentingan Kajian

Mata Pelajaran Vokasional telah diperkenalkan pada tahun 2002 dengan harapan dapat menghasilkan pelajar yang berkemahiran dan boleh berfikir secara kreatif sebagai persediaan menjadi usahawan berinovasi suatu hari nanti. Kajian ini dapat membantu pelajar-pelajar aliran MPV dalam mengenalpasti tahap kemahiran berfikir kreatif serta sejauhmana kemahiran berfikir kreatif itu dimanfaatkan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran dalam di dalam kelas. Melalui kajian ini juga para pentadbir dapat membimbing guru-guru MPV ke arah pengajaran yang lebih berkesan dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan kemahiran berfikir kreatif pelajar aliran MPV. Hasil kajian ini diharap dapat mengubah pandangan serta persepsi sesetengah pihak terhadap pelajar aliran MPV kepada pandangan yang lebih positif dan bermakna.

Penambahbaikan Mata Pelajaran Vokasional khususnya bidang Katering Penyajian mungkin boleh dilaksanakan hasil dari kajian ini, agar pengisian dan kurikulumnya lebih mantap dan berkesan berbanding yang sedia ada. Kurikulum yang diharap adalah kurikulum yang lebih mencabar dan menguji bukan setakat kemahiran fizikal malahan kemahiran berfikir yang ada dalam diri para pelajar. Pelajar-pelajar aliran MPV juga boleh mengenalpasti sejauhmana tahap sendiri mereka dan berusaha untuk memperbaiki kelemahan sedia ada melalui dapatan kajian ini. Pelajar-pelajar lain juga dapat didedahkan tentang kelebihan MPV sekaligus cuba menarik mereka untuk menyumbang potensi yang ada dalam diri bagi melahirkan insan yang mahir dan kreatif serta menyumbang kepada guna tenaga berkualiti kepada negara.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya mengkaji pelajar tingkatan lima sekolah menengah harian yang mengambil Mata Pelajaran Vokasional dan mengkhusus dalam bidang Katering dan Penyajian sahaja. Walaupun subjek MPV terdiri dari pelbagai bidang pengkhususan, hanya bidang Katering dan Penyajian yang akan dipilih untuk keselarasan instrumen kajian yang akan dibangun dan dilaksanakan. Rasional kepada pemilihan pelajar tingkatan lima pula adalah disebabkan tempoh pembelajaran yang mereka sudah jalani adalah lebih panjang berbanding pelajar tingkatan empat. Maka soal selidik dan ujian yang akan dilaksanakan oleh mereka selaku responden kajian ini dianggap relevan untuk mereka.

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah terdiri dari soal selidik dan Ujian Tahap Kreativiti atau *Torrence Test Creative Thinking (TTCT)*. Ujian ini adalah berdasarkan konsep asas dari TTCT, namun pengkaji mengolah mengikut kesesuaian dan kerelevanan dengan tahap pemikiran responden yang akan dikaji disamping berdasarkan contoh ujian yang telah diolah oleh Dr. Chua Yan Piaw. Apa yang ingin ditekankan di sini adalah dari aspek ujian TTCT yang dilaksanakan. Ujian yang dijalankan adalah hanya bertujuan untuk mengukur tahap kreativiti pelajar yang mengambil subjek MPV dengan melihat hubungan dan perbezaannya dengan tahap pencapaian akademik mereka sahaja. Ujian ini tidak bertujuan untuk membuktikan bahawa kreativiti mereka adalah seratus peratus kesan dari subjek MPV yang dipelajari. Oleh itu dapatan kajian ini adalah bergantung kepada kerjasama dan keupayaan responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang sesuatu faktor yang dikaji. Sehubungan itu, pengkaji membuat andaian bahawa responden akan memberi maklumat yang tepat semasa menjawab soal selidik.